



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN  
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)**

Aras 5, Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan  
No.18, Persiaran Perdana, Presint 2  
62652 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8880 5650  
Faks (Faks) : 603-8880 5646  
Laman Web (Web) : [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

---

**SIARAN MEDIA**

**PEMAKLUMAN BERHUBUNG  
PENERIMAAN ADUAN BERKAITAN POLIS DIRAJA MALAYSIA OLEH  
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)**

**PUTRAJAYA, 30 Jun 2023** – Selaras dengan berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2022 [*Akta 839*] (IPCC) pada 1 Julai 2023, dimaklumkan bahawa Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak lagi disenaraikan di bawah Jadual Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*] sebagai salah satu agensi penguatkuasaan seliaan EAIC.

Sehubungan dengan itu, aduan terhadap PDRM atau pegawai PDRM tidak lagi akan diterima bermula dari 1 Julai 2023. EAIC akan menyelesaikan semua aduan dan siasatan yang diterima sebelum 1 Julai 2023 dalam tempoh setahun (sehingga 1 Julai 2024) selaras dengan seksyen 47 Akta 839.

Sebarang pertanyaan atau aduan oleh orang ramai terhadap PDRM mulai 1 Julai 2023 boleh disalurkan dengan menghubungi Bahagian Keselamatan, Kementerian Dalam Negeri di talian 03-8886 8526 atau 03-8886 8529.

EAIC akan terus komited dengan visi sebagai peneraju dalam penguatkuasaan, transformasi dan pembudayaan integriti berteraskan profesionalisme dan amalan terbaik. Untuk sebarang maklumat atau info lanjut berkaitan EAIC, sila layari [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat**  
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

TEGAS

TELUS

EFISIEN

---